

Dr. Mahathir minta AirAsia ke Afrika, Tony kata ya!
Utusan Online
Jun 18, 2011

PUTRAJAYA 18 Jun – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan syarikat tambang murah seperti AirAsia melihat secara serius untuk mengadakan penerbangan ke Afrika dalam usaha memudahkan pelancong serta meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Beliau berkata, pada masa ini kekurangan laluan seumpama itu membataskan usaha meningkatkan hubungan antara Malaysia dan negara-negara Afrika, walaupun benua itu mempunyai potensi ekonomi yang masih banyak belum diterokai.

Dalam reaksi segera kepada permintaan Dr. Mahathir pada Forum Perniagaan Malaysia-Afrika hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes memberitahu *Bernama* bahawa perkara itu boleh menjadi kenyataan.

"Azran (Osman Rani, ketua eksekutif Airasia X"s) dan pasukannya melihat kepada Mesir dan Luanda (Angola) serta Nairobi (Kenya)," katanya melalui SMS. - Bernama

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0618&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_06.htm&arc=hive